

Pendidikan seks

Tidak ramai ibu bapa berfikiran terbuka

Berita Harian 12-18/08/2010

“Ramai ibu bapa menganggap pendidikan seks sama dengan perlakuan seks yang akan menggalakkan remaja mencuba seks lebih awal. Anggapan demikian salah. Pendidikan seks ialah cara mencegah hubungan seks luar nikah”

M/S 13

KISAH pelajar melahirkan anak dalam tandas, pembuangan bayi dan ramainya remaja mendapat penjagaan di rumah perlindungan adalah bukti generasi muda kita, terutama perempuan, 'miskin' dengan ilmu hubungan sosial sehingga mudah terperangkap dengan pujuk rayu teman lelaki yang mahu mengambil kesempatan.

Perkara ini tidak hanya berlaku pada remaja berpendidikan rendah, malah turut membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi yang dianggap golongan cerdas.

Nampaknya masyarakat kita begitu sensitif dengan perkataan 'pendidikan seks' sehingga istilahnya terpaksa ditukar untuk mengelakkan tentangan masyarakat terutama ibu bapa.

Meskipun ibu bapa mulai sedar kepentingan pendidikan seks, ramai tidak bersedia membincangkan topik ini secara terbuka dengan anak-anak mereka.

Pada pandangan saya, ibu bapa ialah orang yang terbaik untuk mendidik anak-anak mereka dengan ilmu berkeanaan.

Ini kerana selain menerangkan hal berkaitan seks, mereka

juga menjadi contoh hidup untuk anak-anak mereka. Misalnya, ikatan perkahwinan menghalalkan hubungan seks ibu dan bapa; hubungan seks itu pula wujud diiringi dengan nilai cinta, kasih sayang dan rasa tanggungjawab; hubungan intim itu menghasilkan anak-anak yang bukan saja menguatkan kasih sayang antara keduanya tetapi juga hadir bersama tanggungjawab-tanggungjawab tertentu dan sebagainya.

Seterusnya, selain memantau tingkah laku anak-anak, ibu bapa juga disarankan melengkapkan diri dengan ilmu dan pengetahuan pendidikan seks.

Ramai ibu bapa menganggap pendidikan seks sama dengan perlakuan seks yang akan menggalakkan remaja mencuba seks lebih awal. Anggapan demikian salah. Pendidikan

seks ialah cara mencegah hubungan seks luar nikah.

Bagi ibu bapa yang tidak selesa untuk membincangkan hal ini dengan anak-anak, belikan mereka buku yang bersesuaian untuk mereka baca dan kemudian bincangkan bersama.

Ini kerana ada banyak perkara yang perlu diketahui oleh mereka berkaitan seks dan seksualiti selain cara melakukan hubungan seks.

Misalnya, mereka perlu tahu risiko penyakit kelamin yang berjangkit akibat hubungan seks yang kasual. Mereka juga perlu tahu penderaan seksual dan rogol serta apa yang perlu dilakukan jika perkara ini berlaku kepada mereka.

Ramai kanak-kanak yang masih mentah tidak tahu masalah dianiaya secara seksual atau dirogol kerana pengetahuan tentang seks tidak pernah

didedahkan kepada mereka.

Ibu bapa yang tidak tahu cara berkongsi maklumat pendidikan seks dengan anak boleh menghantar anak remaja (lelaki dan perempuan) ke pelbagai program remaja Kafe@Teen anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Di sini mereka akan dibekalkan dengan pelbagai kemahiran membabitkan kawalan diri; seksualiti (nilai dan tanggungjawab); tanggungjawab seksual; tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan; penyakit jangkitan kelamin; rogol, pengugutan dan pembuangan bayi serta kesannya; penahanan diri; kemahiran menolak dan kesejahteraan hidup.

Pendidikan seks penting kepada anak-anak terutamanya apabila mencapai tahap akil baliq. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting sebagai mentor kepada anak mereka. Pihak sekolah dan masyarakat juga perlu mengambil berat isu ini supaya dapat mengurangkan mereka terjerumus ke kancah yang tidak diingini.

NANCY CHING
Universiti Utara Malaysia.